



"MANUSIA HILANG KEMANUSIAAN"

(13 Disember 2019/ 16 Rabiulakhir 1441H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan sidang Jumaat sekalian marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan memperkukuhkan pengabdian diri kita kepada-Nya dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita diberkati di dunia dan di akhirat. Tajuk khutbah pada hari ini ialah: “**Manusia Hilang Kemanusiaan**”.

Sidang Jemaah Yang Dirahmati Allah,

Kita merasa bimbang apabila kebelakangan ini, muncul segelintir manusia yang hilang nilai kemanusiaannya. Sebagai contoh, terdapat anak-anak yang sanggup memukul ibu bapanya sendiri. Begitu juga, terdapat ibu bapa yang sanggup membuang anak-anak mereka sendiri. Di tambah lagi dengan jenayah-jenayah samun, ragut, rogol. Adalah amat di kkuatiri bahawa keadaan ini akan menghasilkan persekitaran hidup yang negatif. Kesemua ini tidak mencerminkan sifat **masyarakat madani** yang mempunyai nilai kemanusiaan yang tinggi. Sedangkan Allah SWT menciptakan manusia dengan sebaik-baik ciptaan sebagaimana firman-Nya dalam surah at-Tin, ayat 4:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

Bermaksud: *“Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”*.

Bahkan Allah SWT turut memuliakan manusia seperti yang difirmankan dalam surah al-Isra', ayat 70:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَنِي آدَمَ وَحَمَلْنَاهُمْ فِي الْوَبْرِ وَالْبَحْرِ وَرَزَقْنَاهُمْ مِّنَ الطَّيِّبَاتِ وَفَضَّلْنَاهُمْ عَلَى كَثِيرٍ
مِّمَّنْ خَلَقْنَا تَفْضِيلًا

Maksudnya: *“Dan sesungguhnya kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kenderaan di darat dan di laut; dan kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah kami ciptakan.”*

Apakah kita kini berada di atas landasan kemanusiaan yang luhur budi pekerti sesuai dengan darjat kemuliaan sebagai manusia? Atau kita telah bertukar menjadi manusia durjana yang telah merobek nilai kemanusiaan tanpa belas ihsan? Atau kita menjadi orang yang hanya melihat nilai-nilai kemanusiaan diranapkan tanpa berusaha memperbetulkan? Tepuk dada, tanyalah iman.

Muslimin Yang Dirahmati Allah,

Fenomena pembuangan bayi dan penderaan kanak-kanak misalnya, semakin kerap berlaku di dalam masyarakat kita pada masa kini. Begitu juga dengan kes-kes penderaan ke atas kanak-kanak yang di lakukan oleh ibu dan ayah kandung sendiri. Malah ada yang membuang si kecil yang masih

bertali pusat ke dalam tong sampah hatta ke tempat pembuangan najis. Haiwan juga ada yang kasihkan anak. Apakah taraf manusia ini lebih teruk dari binatang?

Nilai kemanusiaan juga semakin susut dari jiwa masyarakat berdasarkan kes-kes pengabaian terhadap orang tua. Mereka dibiarkan hidup dalam keadaan uzur dan terlantar di rumah tanpa dijaga oleh sesiapa, Pelbagai alasan diberikan oleh anak-anak yang tidak mengenang budi seperti tiada masa dan wang untuk menjaga mereka. **Si tanggung moden** yang semakin meningkat bilangannya ini sudah tentu amat meresahkan diri kita.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Penindasan terhadap orang bawahan juga amat membimbangkan. Terdapat sebahagian manusia yang mempuyai pengaruh dan kuasa telah menyalahgunakannya bagi menindas orang dibawahnya, kadang-kadang tindakan tersebut dilakukan di luar batasan undang-undang, namun mereka terlepas daripada dikenakan tindakan dan hukuman. Akhirnya, penindasan ini menjadi satu budaya yang terpaksa diterima oleh masyarakat.

Islam melindungi nilai kemanusiaan melalui syariatnya. Tujuannya adalah untuk menjaga hak-hak individu, mengatur dan mengangkat martabat manusia berpandukan kepada ajaran al-Quran dan as-Sunnah. Semakin

dekat kita kepada Allah SWT melalui ibadat solat, zikir dan sebagainya, maka semakin mulia martabat seseorang manusia itu di sisi Yang Maha Esa.

Profesor Dr. Yusuf al-Qaradhawi menyatakan di dalam bukunya, antara ciri masyarakat Islam yang kita idamkan adalah masyarakat yang memiliki nilai-nilai kemanusiaan yang dipandu dan dipacu oleh ilmu, amal dan iman. Selain itu, manusia perlu hidup dalam perasaan kasih sayang dan persaudaraan dengan mengutamakan orang lain.

Nilai-nilai kemanusiaan juga dibawa dengan kesatuan yang menjadi keperluan persaudaraan. Saling tolong menolong dan sayang-menyayangi antara satu sama lain dalam kehidupan bermasyarakat amat penting. Ia juga boleh dilakukan melalui kerjasama dari segi material dan moral dalam kehidupan.

Islam menegaskan bahawa, sebaik-baik manusia yang berakal itu, ialah manusia yang sanggup menjadikan dirinya sebaik-baik insan yang menjadi pemberi manfaat di tengah-tengah kehidupan masyarakat. Lantaran itu, pendidikan hati dan jiwa yang kuat mampu menyemai nilai kemanusiaan pada umat akhir zaman.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, ingin saya senaraikan 4 perkara yang perlu diambil perhatian:

Pertama: Kepada anak-anak, hormati dan sayangilah ibu bapa semampu boleh, kerana tanpa mereka siapalah kita.

Kedua: Kepada ibu bapa, pahatkanlah ilmu agama yang secukupnya kepada anak-anak dan semaikan serta terapkan nilai-nilai kemanusiaan kepada anak sejak kecil agar menjadi bekalan kepada mereka bila dewasa.

Ketiga: Kepada masyarakat dan jiran tetangga, hidupkanlah budaya saling tolong menolong dan hormat menghormati antara kita semua, agar kita menjadi masyarakat yang cakna dan tidak hanya berpeluk tubuh jika terjadi sesuatu perkara yang mencarik nilai kemanusiaan.

Keempat: Kepada mereka yang berkuasa, jangan hanya mahu dipandang mulia jika amanah belum dilaksanakan. Gunakanlah kekuasaan anda yang sementara untuk membantu mereka yang tidak terdaya agar kemanusiaan terus dibela.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بَأَيِّ مَنَ أَسْلَمَ وَجْهَهُ لِلَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَلَهُ أَجْرُهُ عِنْدَ رَبِّهِ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ

Maksudnya: “(Apa yang kamu katakan itu tidaklah benar) bahkan sesiapa yang menyerahkan diri kepada Allah (mematuhi perintah-Nya) sedang ia pula berusaha supaya baik amalannya, maka ia akan beroleh pahalanya disisi tuhannya dan tidaklah ada kebimbangan (dari berlakunya kejadian yang tidak baik) terhadap mereka, dan mereka pula tidak akan berdukacita”(surah al-Baqarah, ayat 112)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



خطبة كدوا

(Bulan Disember 2019)

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَهْدِيهِ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْإِخْوَةُ الْمُؤْمِنُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Saya berpesan kepada tuan-tuan dan diri saya sendiri supaya bertakwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya berbahagialah orang yang bertakwa kepada Allah. Di samping itu, sebagai tanda mensyukuri segala nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita, marilah kita mencontohi akhlak nabi SAW dan para sahabat sehingga mereka digelar jutawan akhirat. Caranya ialah

dengan memperbanyakkan sumbangan harta yang kita sayangi ke jalan Allah iaitu dengan melakukan amalan **waqaf**.

Waqaf dari segi syarak ialah apa-apa harta yang ditahan hak pewaqaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya, untuk kebajikan dengan niat untuk mendekatkan diri pewaqaf kepada Allah.

Di negara kita, amalan berwaqaf telah lama diamalkan oleh generasi yang terdahulu. Mereka telah berjaya mewaqafkan harta melalui pembinaan masjid-masjid, sekolah-sekolah, pondok-pondok pengajian dan rumah-rumah anak yatim. Berwaqaf adalah amalan mulia yang dapat melahirkan perasaan kasih sayang, menyemarakkan semangat saling bantu-membantu antara satu sama lain. Sepertimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 92:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: “Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan, maka sesungguhnya Allah mengetahuinya”.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Di negeri kita khususnya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah menyediakan satu alternatif kepada pelaksanaan ibadah waqaf yang berkonsepkan wakalah melalui dana waqaf Pulau Pinang. Sama ada melalui potongan gaji bulanan atau pembayaran secara atas talian. Wakalah bermaksud para penyumbang mewakili kepada Majlis Agama Islam untuk mewakafkan mana-mana harta kekal dengan niat kerana Allah Taala. Ini merupakan satu usaha untuk menggembeling kerjasama ummah untuk bersama-sama melaksanakan ibadah waqaf walau pada tahap manapun kemampuan ekonomi seseorang.

Di samping itu, mesyuarat Majlis Agama Islam Pulau Pinang Bil 3/2018 bertarikh 22 November 2018 telah memutuskan bahawa **10%** daripada hasil kutipan Tabung Jumaat mingguan dari setiap masjid, hendaklah disalurkan secara bulanan kepada **Tabung Wakaf Sumbangan Masjid** yang telah

ditubuhkan. Maka adalah menjadi tanggungjawab seluruh jawatankuasa kariah untuk melaksanakan amanah ini dengan sempurna.

Mengengkari arahan ini akan menyebabkan mereka boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut **Seksyen 9, Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (NEGERI PULAU PINANG) 1996**. Seksyen ini memperuntukkan bahawa: *“Mana-mana orang yang bertindak dengan cara yang menghina pihak berkuasa agama atau mengingkari, melanggar atau mempertikaikan perintah atau arahan Yang Di-Pertuan Agong sebagai Ketua Agama Islam, Majlis atau Mufti, yang dinyatakan atau diberikan melalui fatwa, adalah melakukan suatu kesalahan. Jika disabitkan kesalahan, boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.”*

Justeru marilah kita infaqkan sedikit rezeki yang ada. Secara tidak langsung jemaah yang menghulurkan derma setiap kali solat Jumaat, akan berkongsi saham waqaf yang berkekalan manfaatnya hingga ke hari akhirat.

Diriwayatkan dari Abu Hurairah, Rasulullah ﷺ bersabda:

إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَنْهُ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ:
صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ، أَوْ عِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ، أَوْ وَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ. ﴿رَوَاهُ مُسْلِمٌ﴾

Yang bermaksud: “Apabila seorang hamba meninggal dunia, maka terputuslah darinya amalnya kecuali dari Tiga perkara iaitu sedekah jariah, ilmu yang diambil manfaatnya, anak soleh yang mendoakannya”. (Hadis Riwayat Muslim)

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Pada saat yang penuh barakah ini marilah kita berselawat ke atas nabi Muhammad SAW yang membawa petunjuk dan rahmat kepada kita sekalian sepertimana perintah Allah dalam surah Al-Ahzab, ayat 56:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

“Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat kepada Nabi Muhammad ﷺ wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya”.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ. كَمَا صَلَّيْتَ وَسَلَّمْتَ وَبَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ . اللَّهُمَّ
أَرِنَا الْحَقَّ حَقًّا وَارْزُقْنَا التَّبَاعَةَ وَأَرِنَا الْبَاطِلَ بَاطِلًا وَارْزُقْنَا اجْتِنَابَهُ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ .

Ya Allah, kami mohon kehadiran-Mu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah, dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefardhuan yang lain. Berkatilah hidup orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin, serta mereka yang menginfakkan harta untuk **Dana Wakaf Pulau Pinang** dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke akhir hayat.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ مَلِكِنَا، كباوه دولي يغ مها موليا
سري فادوك باكيندا يغ دفرتوان اكوغ ك-انم بلس، ألسُلْطَانُ عَبْدُ اللَّهِ رِعَايَةُ الدِّينِ
أَلْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ، وكذلك
مولانا توان يغ تراوتاما تون داتوء سري اوتاما دكتور حاج عبد الرحمن بن حاج عباس
يغ دفرتوا نكري فولاو فينغ.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.